

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN COOPMART
KOPERASI MASJID AS SOLIHIN
KAMPUNG SEBATU MELAKA BERHAD
(KOMAS)**

**9 OGOS 2026 (AHAD)
10.00 PAGI
MASJID AS SOLIHIN, KAMPUNG SEBATU
MERLIMAU, MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI
dan Salam Koperasi

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Coopmart Koperasi Masjid As Solihin Kampung Sebatu Melaka Berhad (KOMAS).

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh barisan kepimpinan serta anggota KOMAS atas kejayaan merealisasikan pembukaan Coopmart ini. Pembukaan sebuah Coopmart merupakan lambang kesungguhan institusi masjid untuk membina kekuatan ekonomi secara bersama melalui wadah koperasi.

Hadirin yang saya hormati sekalian

3. Apabila kita berbicara mengenai koperasi, kita sebenarnya berbicara

tentang satu gerakan yang mempunyai nilai dan tujuan yang lebih besar daripada sekadar aktiviti perniagaan. Koperasi ialah sebuah model ekonomi yang memberi peluang kepada masyarakat untuk bersama-sama memiliki, mengurus dan menikmati manfaat daripada sesuatu aktiviti ekonomi.

4. Dalam dunia yang semakin mencabar hari ini, masyarakat memerlukan satu model ekonomi yang bukan sahaja berupaya menjana keuntungan tetapi turut memastikan kesejahteraan rakyat terus diberi perhatian. Koperasi memainkan peranan penting kerana ia menggabungkan elemen perniagaan dengan nilai sosial.

5. Koperasi membantu masyarakat bagi menjana pendapatan, membuka peluang keusahawanan, mewujudkan peluang pekerjaan dan pada masa yang sama membina semangat saling membantu dalam komuniti. Inilah

kelebihan koperasi yang menjadikannya terus relevan dalam menghadapi perubahan ekonomi semasa.

6. Gerakan koperasi Malaysia hari ini telah berkembang sebagai salah satu sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara. **Berdasarkan statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2025, terdapat lebih 16,284 koperasi berdaftar di seluruh negara dengan keanggotaan melebihi 7.3 juta orang. Gerakan koperasi turut mencatatkan nilai aset melebihi RM186 bilion dan perolehan tahunan melebihi RM81.62 bilion.** Pencapaian ini membuktikan bahawa koperasi bukan lagi sebuah sektor kecil atau tradisional, sebaliknya merupakan satu kekuatan ekonomi yang mampu memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Hadirin yang saya hormati,

7. Koperasi kariah masjid merupakan satu model yang sangat unik kerana ia menggabungkan kekuatan institusi masjid sebagai pusat penyatuan masyarakat dengan koperasi sebagai instrumen pembangunan ekonomi. Masjid bukan sahaja tempat ibadah tetapi juga pusat pembinaan komuniti. Apabila semangat kebersamaan dalam kariah diterjemahkan melalui koperasi, ia mampu melahirkan sebuah ekosistem ekonomi yang membantu anggota dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan sosiekonomi masyarakat setempat.

8. Sehingga Disember 2025, terdapat 622 koperasi kariah masjid di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 49,684 individu. Syer/yuran direkodkan sebanyak RM16.85 juta, aset sebanyak RM43.80 juta dan perolehan sebanyak RM34.82 juta.

9. Di **Negeri Melaka sendiri, sehingga 24 Julai 2026, terdapat sebanyak 65 buah koperasi masjid** yang berdaftar. Jumlah ini menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap peranan koperasi masjid semakin berkembang. Kita melihat koperasi masjid mempunyai ruang yang besar untuk berkembang dalam pelbagai bidang.

10. Pada hari ini, kita memberi penghargaan kepada Koperasi Masjid As Solihin Kampung Sebatu Melaka Berhad atau KOMAS yang telah menunjukkan keberanian untuk berkembang walaupun masih merupakan sebuah koperasi yang baharu.

11. Saya ambil maklum bahawa KOMAS telah ditubuhkan kira-kira 2 tahun dan kini mempunyai seramai 96 orang anggota. Dalam tempoh yang singkat ini, KOMAS telah mengorak langkah melalui aktiviti utama koperasi iaitu sektor peruncitan dan perladangan sawit.

12. Saya percaya pencapaian KOMAS ini merupakan satu permulaan yang baik. Dalam pembangunan koperasi, perkara yang paling penting bukanlah bermula dengan saiz yang besar tetapi mempunyai visi yang jelas dan kesungguhan untuk berkembang. Banyak koperasi yang berjaya hari ini juga bermula daripada langkah kecil yang dibina atas kepercayaan anggota dan pengurusan yang sistematik.

Hadirin yang saya hormati,

13. Pembukaan Coopmart KOMAS pada hari ini merupakan satu langkah yang amat bermakna kerana ia menjadikan koperasi lebih dekat dengan kehidupan masyarakat. Coopmart ini adalah pusat kegiatan ekonomi warga kariah. Ia memudahkan masyarakat mendapatkan barangan keperluan harian dengan lebih mudah dan pada harga yang berpatutan selain membuka ruang kepada koperasi

untuk membina sumber pendapatan yang lebih mampan.

14. Inisiatif Coopmart ini turut membuktikan keberkesanan kerjasama antara kerajaan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ANGKASA dan koperasi. **Program ini dilaksanakan hasil daripada insentif berjumlah RM500,000 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Penutupan Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 bagi memperkasakan koperasi kariah masjid di kawasan luar bandar. Melalui program ini, sebanyak 20 buah koperasi yang dipilih oleh SKM menerima bantuan sebanyak RM25,000 bagi setiap koperasi untuk melaksanakan inisiatif pembangunan seperti Coopmart.**

15. Saya berharap Coopmart KOMAS ini akan menjadi titik permulaan kepada perjalanan yang lebih besar. Saya menyeru barisan kepimpinan dan anggota dapat meneroka peluang perniagaan baharu supaya koperasi ini

mampu berkembang secara mampan. Jadikanlah Coopmart ini sebagai pusat ekonomi komuniti yang bukan sahaja menyediakan keperluan harian, tetapi juga membuka peluang kepada masyarakat untuk berkembang bersama.

16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Koperasi Masjid As Solihin Kampung Sebatu Melaka Berhad atas kejayaan pembukaan Coopmart ini. Semoga usaha yang dilaksanakan menjadi inspirasi kepada lebih banyak koperasi kariah masjid di seluruh negara untuk mengambil langkah yang sama.

17. Ingatlah bahawa koperasi bukan sekadar sebuah organisasi perniagaan, tetapi sebuah gerakan yang menyatukan manusia, memperkukuh ekonomi rakyat dan memakmurkan negara. Apabila kita memilih untuk bekerjasama, kita bukan sahaja membina kejayaan untuk hari ini,

tetapi kita sedang membina legasi untuk generasi akan datang.

18. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **COOPMARTKOPERASI MASJID AS SOLIHIN KAMPUNG SEBATU MELAKA BERHAD (KOMAS).**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.